

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN


---

#### 3.1 PENDAHULUAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat *persepsi guru terhadap stail kepemimpinan pengetua*. Bab ini seterusnya akan menghuraikan kaedah kajian yang merangkumi aspek-aspek reka bentuk kajian, populasi kajian, sampel kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, pengumpulan data dan penganalisisan data.

#### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan *kajian tinjau selidik* dengan menggunakan *soal selidik* sebagai alat ukuran. Kajian yang dijalankan berdasarkan *Teori Kepemimpinan Laluau Matlamat House (1974)* yang berfokus kepada stail kepemimpinan *menyokong, mengarah, penyertaan, dan berorientasikan pencapaian*. Persepsi guru-guru berdasarkan *Jantina, kelulusan akademik, jawatan, umur dan pengalaman mengajar* dijadikan sebagai *pembolehubah bebas*. Dalam kontek kajian, hanya lima jenis pembolehubah bebas dipilih. Manakala *stail kepemimpinan* dijadikan sebagai *pembolehubah bersandar*.



**Rajah 2 : Gambarajah Menunjukkan Reka Bentuk Hubungan Pembolehubah Bebas dan Bersandar**

### 3.3 SAMPEL KAJIAN

Kajian ini dijalankan di tiga buah Sekolah Menengah sekitar daerah Kota Setar, Kedah. Sehingga 19 Januari 2001 jumlah keseluruhan guru (tidak termasuk pengetua) di SMK. Dato' Syed Omar ialah 117 orang. Di SMK Sultanah Bahiyah seramai 77 orang. Manakala di SMK Seri Gunong seramai 41 orang. Dengan bantuan Guru Penolong Kanan (GPK) di setiap sekolah, pengkaji mengemukakan sebanyak 235 set ~~soalan~~ soal selidik untuk dijawab oleh semua guru berdasarkan bilangan di setiap sekolah seperti yang dinyatakan di atas. Bilangan guru yang berjaya memulangkan jawapan soal selidik adalah seramai 140 orang dan maklumbalas ini dianggap sudah mencukupi bagi menjalankan kajian (Uma Sekaran, 1993). Mengikut agihan setiap sekolah, seramai 70 orang guru dari SMK. Dato' Syed Omar yang mencatat peratusan sebanyak 59.8% berbanding dengan keseluruhan jumlah guru di sekolah tersebut. Seramai 40 orang guru dari SMK. Sultanah

Bahiyah dengan peratusan sebanyak 51.9%. Manakala seramai 30 orang guru lagi dari SMK. Seri Gunong dengan peratusan sebanyak 73.2%.

Pemilihan sampel adalah secara rawak daripada populasi guru-guru di sekolah-sekolah tersebut. Agihan sampel mengikut pembolehubah bebas terdiri daripada 61 orang guru lelaki dan 79 orang guru perempuan. Berdasarkan kelulusan akademik, guru-guru kumpulan siswazah (DG 3) berjumlah seramai 79 orang dan kumpulan bukan siswazah seramai 61 orang. Klasifikasi mengikut jawatan guru-guru yang terlibat dalam Pengurusan Pentadbiran seramai 40 orang dan sebagai Guru Penolong seramai 100 orang. Berdasarkan peringkat umur, mereka yang berumur 25 tahun ke bawah seramai 31 orang guru, antara 25 hingga 30 tahun seramai 39 orang guru, dan berumur melebihi 30 tahun seramai 70 orang guru. Manakala berdasarkan pengalaman mengajar pula, mereka yang berpengalaman kurang dari satu tahun seramai 36 orang guru, antara satu hingga lima tahun seramai 26 orang guru, dan kumpulan melebihi lima tahun seramai 78 orang guru.

### **3.4 LOKASI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah kebangsaan di sekitar daerah Kota Setar, Kedah. Sekolah-sekolah tersebut disenaraikan seperti berikut:

1. SMK. Dato' Syed Omar, Alor Setar (gred A).
2. SMK. Sultanah Bahiyah, Alor Setar (gred A).
3. SMK. Seri Gunong, Alor Setar (gred B).

Pengkaji hanya ingin melihat *persepsi guru-guru terhadap stil kepemimpinan pengetua* di sekolah-sekolah tersebut. Di sini bermaksud bahawa apa-apa hasil daripada kajian ini hanya merujuk kepada tiga buah sekolah yang disenaraikan di atas sahaja.

### 3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Maklumat dalam kajian ini diperolehi melalui ~~soalan~~ soalselidik dari dua bahagian melibatkan Bahagian A dan Bahagian B yang butirannya dinyatakan seperti berikut:

#### Bahagian A - Soal selidik Maklumat Diri

Bahagian ini merupakan Soal selidik Biodata atau Latarbelakang Responden. Soal selidik ini mengandungi beberapa soalan tentang diri responden seperti *jantina, bangsa, kelulusan akademik, jawatan, umur dan pengalaman mengajar*.

#### Bahagian B - Soal selidik Leader Behaviour Description Questionnaire

(LBDQ)

Soal selidik ini amat terkenal di kalangan pengkaji tingkah laku kepemimpinan pengetua. Soal selidik ini telah diperkenalkan oleh beberapa orang pengkaji kepemimpinan di Ohio State sejak tahun 1950-an lagi. Menurut Fleishman (1962 : 97), soal selidik LBDQ yang asal telah diubahsai oleh Hemphill (1962 : 87-95). Hemphill (Stogdill, 1974),

telah mengkategorikan semula tingkahlaku kepemimpinan kepada dua dimensi yang terbesar iaitu *Tingkahlaku Timbangrasa (Consideration)* dan *Tingkahlaku Pendayautamaan Struktur (Initiating Structure)* dengan jumlah item soalan sebanyak 40 item. Manakala Fleishman (1962), dalam kajiannya telah menguji kebolehpercayaan *Item Timbangrasa* dan *Item Pendayautamaan Struktur* dengan menggunakan kaedah *pisah-dua (split-half)*. Pekali kebolehpercayaan Item Timbangrasa ialah 0.83 dan Pekali Kebolehpercayaan Item Pendayautamaan ialah 0.85. Ariffin (2000), dalam kajian beliau memperolehi nilai Pekali Kebolehpercayaan melalui kaedah Cronbach-Alpha ialah  $\alpha = 0.84$  ( $k < 0.05$ ).

Soal selidik yang digunakan telah diubahsuai oleh pengkaji mengikut keperluan semasa dan kumpulan sasaran. Soal selidik ini digunakan untuk mengukur tingkahlaku kepemimpinan berdasarkan persepsi pekerja bawahan (guru-guru) terhadap ketua mereka (pengetua) semasa menjalankan tugas-tugas kepemimpinannya. Soal selidik ini terdiri daripada 40 item kesemuanya bagi menunjukkan stail kepemimpinan *menyokong, mengarah, penyertaan dan pencapaian*. Skala Likert 5 mata digunakan untuk memberikan markat kepada soal selidik ini. Soal selidik ini direkabentuk mengikut klasifikasi berdasarkan susunan dimensi menyokong, mengarah, penyertaan dan pencapaian. Susunan dimensi *menyokong* diwakili oleh item nombor 1, 5, 9, 13, 17, 21, 25, 29, 33, dan 37. Dimensi *mengarah* berdasarkan item nombor 2, 6, 10, 14, 18, 22, 26, 30, 34, dan 38. Dimensi *penyertaan* berdasarkan item nombor 3, 7, 11, 15, 19, 23, 27, 31, 35, dan 39. Manakala dimensi *berorientasikan pencapaian* diwakili oleh item nombor 4, 8, 12, 16, 20, 24, 28, 32, 36, dan 40.

Soal selidik yang digunakan telah diubahsuai oleh pengkaji mengikut keperluan semasa dan kumpulan sasaran. Setelah dijalankan kajian rintis, di dapat *pe kali kebolehpercayaan Cronbach-Alpha r = 0.8486 (k < 0.05)*. Bacaan terperinci berdasarkan dimensi menyokong menunjukkan *pe kali kebolehpercayaannya adalah 0.9002*. Bacaan dimensi mengarah adalah *0.6813*. Bacaan dimensi penyertaan adalah *0.7396*. Manakala bacaan dimensi pencapaian adalah *0.7571*.

### 3.6 PENGUMPULAN DATA

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan sendiri oleh pengkaji. Soal selidik dihantar sendiri kepada pentadbir sekolah yang dipilih. Dengan bantuan Guru Penolong Kanan di setiap sekolah, ~~soalan~~ soal selidik diagih kepada guru-guru untuk dijawab berdasarkan ruang masa yang telah ditetapkan. Pengkaji telah mengstruktur beberapa syarat penting kepada semua Guru Penolong Kanan berdasarkan keperluan bersesuaian dengan objektif kajian. Di antara perkara - perkara penting termasuklah prosedur agihan soalan kepada guru-guru. Seboleh-bolehnya agihan *seimbang* dibuat kepada setiap pembolehubah bebas yang melibatkan jantina, kelulusan akademik, jawatan, umur dan pengalaman mengajar kecuali berlakunya ketidakcukupan guru di sekolah tersebut.

Semua Penolong Kanan di setiap sekolah diperuntukkan masa selama seminggu untuk mengedarkan soalan soal selidik kepada semua responden. Kemudian pengkaji mengumpul selesai dijawab untuk diproses. Pengkaji mengagihkan sebanyak 235 set soal selidik yang selesai dijawab untuk diproses.

soalan soal selidik di kesemua tiga buah sekolah yang dipilih. Di SMK. Dato' Syed Omar diperuntukkan sebanyak 117 set soalan soal selidik. Di SMK. Sultanah Bahiyah sebanyak 77 set soalan soal selidik. Manakala di SMK. Seri Gunong sebanyak 41 set soalan soal selidik. Sebanyak 140 set soalan soal selidik telah dapat dikumpul oleh pengkaji. Ini bermakna sebanyak 59.6% soalan soal selidik telah berjaya dikumpul oleh pengkaji dan dianggap sudah mencukupi untuk tujuan kajian ini.

### 3.7 PENGANALISISAN DATA

Semua soalan soal selidik dikodkan bagi memudahkan urusan penganalisisan. Data yang diperolehi direkod dan diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Versi 6.0*. Statistik *min dan sisihan piawai* digunakan untuk menentukan tahap *stail kepemimpinan pengetua*. Tahap kepemimpinan pengetua berdasarkan peringkat dimensi yang dipilih ditentukan mengikut jadual 3.1 .

**Jadual 3.1 : Pemeringkatan Min Skor Tahap Kepemimpinan Pengetua**

Min Skor	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

Perbezaan persepsi tentang stail kepemimpinan pengetua mengikut *jantina, kelulusan akademik dan jawatan* dianalisis dengan menggunakan *ujian-t*. Manakala *Analisis Varian Sehala (ANOVA)* digunakan untuk mengkaji perbezaan persepsi guru terhadap stail kepemimpinan pengetua mengikut *umur dan pengalaman mengajar*.